

Newspaper	Berita Harian
Date	19 January 2016

Saya terhutang budi dengan Tun Razak: Dr Mahathir

BH- 19/1/2016

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein 40 tahun lalu sebagai satu kehilangan kepada dirinya secara peribadi sehingga hampir melenyapkan kerjaya politiknya.

Bagaimanapun Perdana Menteri kedua itu memberikan pandangan positif mengenai diri Dr Mahathir kepada penggantian, Allahyarham Tun Hussein Onn.

"Pemergian Abdul Razak memberi kesan buat saya secara peribadi. Penggantian, Tun Hussein, tidak rapat dengan saya, malah saya sangkakan kerjaya saya mungkin berakhir.

Ketokohan tinggi

"Bagaimanapun, Abdul Razak banyak menceritakan perkara elok mengenai saya kepada Tun Hussein," katanya menerusi entri terbaharu blog peribadi Chedet, semalam.

Dr Mahathir turut menggambarkan Abdul Razak sebagai pemimpin yang dihormati dan dikasihi rakyat kerana ketokohnya membangunkan negara, termasuk menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB), selain berusaha menangani jurang perbezaan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau turut menyatakan rasa terhutang budi kepada Perdana Menteri kedua itu kerana memberi peluang untuk berada dalam Kabinet sebagai menteri walaupun pernah dipecat daripada UMNO.

"Alangkah sedihnya beliau diambil daripada kita lebih awal. Sudah pasti saya amat sedih kerana saya terhutang segala-galanya dengan beliau.

Beri peluang terbaik

"Saya pernah dipecat daripada UMNO dan orang yang dipecat sebelum saya tidak pernah kembali. Karier politik mereka musnah. Tetapi beliau bukan saja benarkan saya kembali ke pangkuan UMNO, malah melantik saya sebagai menteri penuh," katanya.

Katanya, tindakan Abdul Razak menerima beliau walaupun dipecat daripada UMNO menimbulkan kemarahan dalam kalangan orang kuat parti itu.

Sementara itu, Dr Mahathir turut berkongsi kenangan sebelum Allahyarham pergi mendapatkan rawatan di United Kingdom.

"Sebagai doktor, saya tahu lebih awal mengenai kesihatannya yang semakin merosot. Pada satu majlis di Parlimen sebelum Allahyarham berlepas ke United Kingdom, beliau menarik saya ke tepi dan memberitahu bahawa beliau menghidap leukemia.

"Beliau meminta saya bercakap dengan doktornya, Dr Stewart Macpherson. Saya lakukan dan saya mengetahui bahawa tempoh yang beliau ada semakin singkat. Beliau tidak mungkin dapat bertahan lama.

"(Namun) saya tetap terkejut mendengar berita kematiannya. Malaysia betul-betul kehilangan pemimpin hebat. Banyak lagi perubahan yang boleh dilakukannya untuk masa depan negara," katanya.